

BAB 2 AIDS: SATU PENGENALAN

2.1- AIDS DARI PERSPEKTIF UMUM

2.1.1-Definisi AIDS dan Bagaimana AIDS terjadi

Definisi AIDS.

AIDS merupakan singkatan kepada perkataan Inggeris ‘*Acquired Immunodeficiency Syndrome*’ (Sindrom Kekurangan Imun Perolehan).¹ Dalam bahasa Arab, ia dikenali sebagai *مرض نقص المناعة المكتسب* manakala dalam bahasa Perancis di panggil ‘*SIDA*’ iaitu *Syndrome Dimmuno Deficiencia Aquis*.²

Berdasarkan perkataan ‘*Aquired*’, AIDS merupakan penyakit yang diperoleh melalui jangkitan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) dari orang lain yang boleh melumpuhkan keupayaan semulajadi badan di dalam melawan penyakit. Ia bukan satu penyakit keturunan dan bukan penyakit yang boleh berlaku tanpa sebab-sebab luar yang jelas seperti kanser. Ia juga bukan kesan dari proses penuaan seperti penyakit Alzheimers dan ia tidak berlaku oleh sebab-sebab perubatan.³ Manakala perkataan ‘*Immunodeficiency*’ merujuk kepada sistem imun seseorang yang tidak cukup kuat untuk bekerja dengan baik dan kurang upaya untuk melawan penyakit yang disebabkan

¹ Aminuddin Ahmad (1992), *Aids, Mangsa Kejahilan*. Selangor: Pustaka Wira, hlm.41; Clayton L.Thomas (ed.)(1998), *Taber’s Cyclopedic Medical Dictionary*. Jaypee Brothers Medical Publishers (P) LTD: New Delhi, hlm.53; Dzulkifli Abdul Razak (1990), *Aids meniti maut*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd, hlm.13; Temubual bersama Dr.Faid Rashid, Ketua Penolong Pengarah (Aids/Kpas) di Jabatan Kesihatan Seremban, pada 7 September 2004, jam 9.00 pagi.

² Ahmad Husnī Taha (Dr)(2003), *al-Mas’ūliyyah al-Jinā’iyyah al-Nāsiy’ah `an naqli ‘adwā al-Aids*. Qāhirah: Jāmi’ah al-Azhar, hlm.7

³ Aminuddin Ahmad (1992), *op.cit.*, hlm.41; Michael Thomas Ford (1992), *100 Questions and Answers About Aids: A Guide For Young People*. New York: New Discovery Books, hlm.15; Muhammad ‘Alī al-Bār (Dr) (1987), *al-Aids Wabā’ al-`Aṣr*. Jeddah: Dār al-Manārah, hlm.57; *Aids: Jawapan kepada Kemusykilan Anda* (1998). K.Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia, hlm.1; Temubual bersama Dr. Faid Rashid, *op.cit.* ; `Adnān al-Subay`ī (1999), *al-Aids Yuḥaddidu al-`Ālam*. Damsyiq: Dār al-Bashā`ir, hlm 117.

oleh organisma yang biasanya boleh dihapuskan dengan mudah.⁴ Perkataan ‘*Syndrome*’ pula bermaksud beberapa keadaan atau simptom yang menunjukkan sesuatu yang tidak kena telah berlaku pada seseorang. Perkataan sindrom digunakan bagi penyakit AIDS kerana ia bukan terdiri dari satu penyakit, satu tanda atau satu jangkitan, tetapi terdiri daripada beberapa penyakit yang kronik dan pelbagai jenis kanser.⁵ Oleh yang demikian, AIDS didefinisikan sebagai sejenis penyakit yang menunjukkan kekurangan daya tahan pada seseorang tanpa sebarang penyakit yang biasanya boleh menyebabkan keadaan itu.⁶

Bagaimana AIDS terjadi

Virus HIV mengandungi bahan baka yang dipanggil RNA (Ribonucleic Acid). Protein-protein baka ini pula diselubungi oleh sejenis protein lain yang dipanggil sebagai *envelope* atau selaput. Selaput-selaput ini mempunyai bentuk-bentuk tertentu yang boleh merangsang sel-sel perumah atau sel-sel badan manusia untuk mengeluarkan bahan-bahan pertahanan yang tertentu dan spesifik untuk virus yang menjangkiti mereka yang dipanggil antibodi. Apabila virus memasuki sel manusia, bahan RNA akan bertukar kepada bahan DNA (Deoxyribonucleic Acid). Ini kerana virus HIV mempunyai enzim reverse transcriptase. Virus-virus ini akan bercantum dengan DNA di dalam sel perumah. Apabila ini berlaku, lebih banyak bahan-bahan baka virus akan terjadi dan lebih banyak virus membiak. Virus-virus yang memasuki sel-sel perumah ini akan mengganggu bahan-bahan baka sel perumah dan gangguan ini akan mengakibatkan sel-sel perumah musnah atau bertukar menjadi kanser.

Jangkitan oleh virus HIV boleh merosakkan sel-sel perumah dalam masa yang singkat atau ia boleh hidup memendam pada sel perumah bertahun-tahun dan sistem

⁴ Michael Thomas Ford (1992), *op.cit*, hlm.15& 16.

⁵ *Ibid*, hlm. 16; `Adnān al-Subay`ī (1999), *op.cit*, hlm.117; Peter Aggleton et.al (ed.)(1994), *Learning About Aids*.London: Churchill Livingstone, hlm.28.

⁶ Aminuddin Ahmad (1992), *op.cit*, hlm. 41, Temubual bersama Dr.Faid Rashid, *op.cit*. Untuk huraian lanjut mengenai definisi AIDS yang dikeluarkan oleh CDC, sila lihat Deborah Greenspan et.al (1986), *Aids and the Dental Team*.Denmark:Munksguard, hlm.12-15.

imun perumah tidak bertindakbalas terhadap kewujudan virus tersebut. Kadang-kadang tindakbalas berlaku dengan perlahan dan memakan masa yang lama iaitu dalam jangkamasa 5-10 tahun. Pada peringkat ini, pesakit tidak merasa sebarang gejala-gejala klinikal. Dalam 2 atau 3 tahun terakhir hayat pesakit, sistem tubuhnya tidak terdaya lagi melawan virus itu dan seluruh tubuh dikuasai oleh virus HIV. Pada ketika inilah, pesakit menderita berbagai-bagai jenis jangkitan oportunistik dan kanser. Jangkitan yang berpunca daripada kelemahan sistem pertahanan tubuh inilah yang sebenarnya membunuh pesakit AIDS, bukan virus HIV.⁷

2.1.2-Sejarah Kemunculan AIDS

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penulis mendapati tidak ada satu kenyataan rasmi yang dikeluarkan berkenaan dengan asal usul penyakit ini. Setiap pihak telah mengemukakan hujah masing-masing untuk menyokong teori yang dibuat dan ia turut disertai dengan kritikan-kritikan dari pihak yang lain. Pendapat-pendapat tersebut bolehlah disimpulkan seperti berikut:-

1-AIDS berasal dari Haiti

Menurut Dr. Jane Teas, AIDS bermula di Haiti akibat tindakan seorang homoseksual yang menghidap penyakit barah perut telah memakan daging babi yang dijangkiti virus ASFV, dalam bentuk mentah atau setengah masak. Beliau percaya bahawa virus AIDS berupaya memproses mutasi seterusnya menular dari African Swine Fever Virus (ASFV) yang menjangkiti babi-babi kepada manusia-manusia.⁸ Wabak AIDS kemudiannya merebak ke Amerika Syarikat melalui golongan homoseksual Amerika yang sering mengunjungi dan melakukan hubungan seks dengan pasangan sejenis di Haiti. Ini adalah berdasarkan 2 fakta berikut iaitu:-

⁷ Aminuddin Ahmad (1992), *op.cit.*, hlm 15-28; Lihat juga `Adnān al-Subay`ī (1999), *op.cit.*, hlm.118.

⁸ Fahmi Mustafa Sabri Mahmoud (Dr) (t.t), *Aids Amaran kepada pezina & homoseksual*, Nurhana Ibrahim (terj.).Shah Alam:Ummah Media Sdn Bhd.hlm.7; Lihat juga `Adnān al-Subay`ī (1999), *op.cit.*, hlm120.

1-Penyebaran wabak AIDS dan ASFV pada waktu yang hampir sama iaitu pada tahun 1979 bagi wabak ASFV manakala AIDS pada awal tahun 1981.

2-Persamaan yang jelas antara implikasi AIDS dan ASFV, antaranya ialah menyebabkan demam, hilang selera makan, sistem imuniti menjadi lemah dan jisimnya tidak bermaya. Walaubagaimanapun, teori Dr Teas kurang mendapat sokongan saintifik dan mudah dipertikaikan. Antaranya ialah:-

(a) Teori Dr. Teas yang menyatakan seorang homoseks yang menghidap barah perut telah dijangkiti AIDS selepas makan daging babi yang tidak dimasak dengan elok atau mentah dan kemudian virus AIDS menembusi barah perut si pesakit ke saluran darahnya adalah lemah dan susah untuk dipertahankan. Ini adalah berdasarkan laporan penyelidikan yang dibuat oleh Dr.J.Lavy dari Universiti California yang mempersoalkan keupayaan virus HIV yang dapat menembusi pertahanan enzim dan asid-asid yang wujud di dalam perut tanpa sebarang kesan sedangkan mengikut data yang dibentangkannya, terdapat separuh daripada HIV telah dibunuh oleh air liur pada masa kurang daripada 30 minit.

(b) Terdapat banyak perbezaan antara HIV dan ASFV dari segi bentuk dan struktur, sel yang dijangkiti, dan cara ia merebak di kalangan binatang-binatang.

(c) Tiada seorang pun saintis yang dapat memberi pengakuan bahawa dia telah berjaya mengeluarkan virus HIV daripada babi-babi Haiti atau mana-mana babi yang lain.

(d) Virus ASFV tidak pernah menjangkiti manusia berdasarkan pengakuan Dr. Teas sendiri, diikuti oleh laporan dan penyelidikan oleh Kementerian Kesihatan Haiti, Organisasi Pan Amerika dan Jabatan Pertanian Amerika Syarikat. Bahkan, penduduk Haiti dan pembawa-pembawa HIV didapati tidak mempunyai ASFV.

(e) Jumlah kes AIDS yang wujud di Haiti tidak memberi sokongan kepada teori yang dikemukakan oleh Dr Teas, iaitu hanya 340 kes dilaporkan di akhir tahun 1984 di Haiti berbanding 9608 kes di Amerika Syarikat pada April 1985.⁹

Selain daripada Dr.Teas, terdapat beberapa penyelidik Barat yang berpendapat AIDS bermula di Haiti melalui kegiatan seks yang dilakukan bersama monyet-monyet di pusat-pusat pelacuran. Mereka turut mengaitkan penduduk Haiti dengan amalan sihir yang melibatkan beberapa perbuatan seperti membuat tatu, meminum darah binatang dan manusia yang membolehkan penyakit ini tersebar dengan lebih meluas.¹⁰

2-AIDS berasal dari Afrika

Dr.R.C.Gallo berpendapat virus AIDS bermula dari sebuah kawasan kecil di Afrika Tengah pada tahun-tahun 50-an, kemudian ke semua bahagian Afrika Tengah pada awal 70-an, kemudian ke Haiti, Eropah dan Amerika Syarikat. Menurut beliau, virus AIDS (dinamakan HTLV-3) berasal dari HTLV-1 (Human T-Cell Leukemia Type) yang endemi di bahagian Khatulistiwa Afrika dan merupakan sumber utama leukemia di sana. Sebaliknya Dr.M.Essex dan P.Kanki berpendapat virus AIDS berasal dari satu virus yang menjangkiti monyet hijau Afrika iaitu STLV-3 dan menjangkiti orang-orang Asli di sana sama ada melalui pemakanan dan aktiviti seks.¹¹

Manakala, menurut Dr.Leibowitch, virus AIDS dari Afrika disebarkan dahulu ke Haiti melalui 2 cara iaitu:-

1-Melalui warganegara Haiti yang pergi ke Zaire untuk membantu kerajaan baru di sana(tahun 60-an), mereka dijangkiti AIDS dan menyebarkannya ke Haiti (pertengahan 70-an). Kemudian, penyakit ini disebarkan ke Amerika Syarikat pada akhir tahun 70-an menerusi homoseksual Amerika yang sering mengunjungi pasangan sejenisnya di Haiti.

⁹ Fahmi Mustafa Sabri Mahmoud (Dr.)(t.t), *op.cit*, hlm.7-11.

¹⁰ Mālik Badrī (Dr)(2000), *The Aids Crisis: A natural product of modernity's sexual revolution*. K.L: Medeena Books, hlm.118-119.

¹¹ Fahmi Mustafa Sabri Mahmoud (Dr.)(t.t), *op.cit*, hlm.14-15; lihat juga Malik Badri (Dr)(2000), *op.cit*, hlm.128-129

2-Melalui beribu-ribu homoseksual Cuba yang disngkir keluar dari negara mereka oleh Fidel Castro ke Amerika Syarikat atau negara lain.¹²

Selain itu, virus AIDS turut disebarkan ke Amerika Syarikat melalui pengedar darah antarabangsa sepertimana pendapat Dr.Peter James. Organisasi ini sering membeli darah yang murah dan telah dicemari oleh virus AIDS dari Afrika Tengah, lalu menjualnya ke Amerika Syarikat dan Eropah. Antara kenyataan saintifik yang menyokong fakta-fakta mereka ialah:-

1)Menurut Gallo, keluarga virus HTLV adalah endemi di Afrika Tengah selama beberapa dekad atau beberapa puluhan tahun. Oleh sebab virus AIDS (HTLV-3) merupakan virus ketiga daripada keluarga HTLV, ia juga pasti berasal dari Afrika Tengah.

2)Persamaan yang besar antara virus STLV-3/SIV dengan virus AIDS kedua (HTLV-4/HIV-2) ialah kedua-duanya telah dapat diasingkan dari antibodi monyet-monyet hijau Afrika. Dikatakan juga virus SIV bertukar melalui proses mutasi kepada HIV-2 dan HIV-1.

3-Kaposi Sarcoma lazim kedapatan di Afrika Tengah untuk beberapa dekad dan jarang ditemui di tempat lain sebelum wabak AIDS bermula.

4-Kes AIDS pertama di Eropah melibatkan orang Afrika yang mendapat rawatan atau bekerja di Afrika Tengah.

5-Pemeriksaan AIDS ke atas contoh-contoh darah daripada beberapa negara Afrika Tengah telah mendapati virus AIDS berleluasa di kalangan penduduk awam.¹³

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kritikan yang dibuat terhadap fakta-fakta di atas.Antaranya ialah :-

¹² Fahmi Mustafa Sabri Mahmoud (Dr.)(t.t), *op.cit*, hlm.14-16. Lihat juga ‘Abd al-Fattāh ‘Aṭallah (1988), *Marāḍ al-Aids; Tā’ūn al-‘Aṣr*. al-Mansūrah: Dār al-Wafā’, hlm.55-56.

¹³ Fahmi Mustafa Sabri Mahmoud (Dr.)(t.t), *op.cit*, hlm.16-19.

- 1- Virus HIV dan SIV yang berleluasa di kalangan monyet-monyet hijau di Afrika Tengah mempunyai gen yang berlainan sama sekali. Turut dipersoalkan mengenai virus SIV yang tidak mengakibatkan apa-apa penyakit terhadap monyet-monyet tersebut.¹⁴ Proses mutasi yang diandaikan berlaku juga tidak dapat disahkan.¹⁵
- 2- Terdapat beberapa laporan yang menunjukkan AIDS adalah penyakit yang baru di Afrika dan mula muncul satu tahun atau lebih selepas ia mula merebak di Amerika Syarikat. Walaupun terdapat bangkangan yang menyatakan AIDS sudah sedia wujud di Uganda tetapi tidak diketahui umum, namun kemungkinan AIDS tidak dilaporkan sebelum 1982 adalah mustahil kerana rekod-rekod perubatan di sini adalah baik dan boleh dikesan seawal tahun 1944. Tambahan pula, ujian darah secara rambang ke atas warganegara Afrika tidak menyokong tuntutan yang AIDS berasal dari Afrika. Begitu juga dengan laporan yang dibuat ke atas pemeriksaan 6015 contoh darah dari Afrika untuk antibodi AIDS mendapati terlalu sedikit yang dijangkiti virus AIDS.
- 3- Kewujudan kaposi sarcoma tidak semestinya bermakna bahawa seseorang itu telah menghidap AIDS. Ia hanya menunjukkan sistem imuniti bagi jisim seseorang itu tidak berfungsi dengan efektif. Di samping itu, kaposi sarcoma yang disebabkan oleh AIDS berlainan dengan kaposi sarcoma yang didapati berleluasa di Afrika Tengah. Jenis kaposi sarcoma Afrika Tengah yang klasikal adalah berbahaya dan biasanya boleh diubati dan pulih sediakala, sementara kaposi sarcoma di Barat adalah agresif dan kebal kepada perubatan cara kemoterapi.¹⁶ Ini diperkuatkan lagi dengan kematian seorang pelacur Amerika pada tahun 1969 akibat penyakit ini dan didapati telah dijangkiti AIDS.¹⁷

¹⁴ *Ibid*, hlm.21.

¹⁵ Mālik Badrī (Dr)(2000), *op.cit*, hlm.128.

¹⁶ Fahmi Mustafa Sabri Mahmoud (Dr.)(t.t), *op.cit*, hlm 21-25.

¹⁷ Mālik Badrī (Dr)(2000), *op.cit*.

3-AIDS berasal dari negara Eropah dan Amerika

Menurut Dr. Mālik Badrī, Eropah adalah negara yang bertanggungjawab menyebarkan penyakit ini ke negara-negara Afrika melalui kegiatan penjajahan. Ini kerana melalui penjajahanlah Eropah telah berjaya mengubah gaya hidup masyarakat Afrika yang menggalakkan homoseksual dan aktiviti pelacuran. Tuduhan yang dibuat ke atas negara lain jelas memperlihatkan sikap prejudis masyarakat Barat terhadap negara-negara miskin seperti Afrika dan tindakan mereka itu hanyalah untuk menyembunyikan salah laku mereka yang merupakan punca sebenarnya penularan penyakit AIDS ini.¹⁸ Manakala menurut Valentin Pokrovsky, Presiden di Akademi Sains Perubatan menegaskan bahawa AIDS sebenarnya berpunca dari kegiatan homoseksual orang Amerika dan penyebaran AIDS ke negara lain adalah akibat integrasi dengan masyarakat Barat melalui kegiatan-kegiatan yang tidak sihat.¹⁹

Oleh kerana terdapat pelbagai pendapat mengenai tempat bermulanya AIDS, penulis berpandangan bahawa tempat bukanlah persoalan yang penting. Sebaliknya, apa yang ingin difokuskan di sini ialah AIDS berpunca dari perbuatan dan kegiatan yang bukan sahaja menyalahi ajaran agama seperti pengambilan makanan yang diharamkan dalam Islam bahkan bertentangan dengan aturan akhlak dan moral seperti aktiviti seks rambang tanpa ikatan yang sah, khususnya hubungan seks sejenis (homoseksual).

¹⁸ *Ibid*, hlm 115-142.

¹⁹ Fahmi Mustafa Sabri Mahmoud (Dr)(t.t), *op.cit*, hlm 28.

2.1.3-Peringkat jangkitan HIV dan Simptom-simptomnya.

Peringkat jangkitan HIV boleh dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu:

1-Peringkat Jangka masa Window (*Window Period*)

2-Peringkat Tiada Tanda (Pembawa HIV)

3-Peringkat Akhir Jangkitan HIV (AIDS) (Lihat Lampiran C)

1-Peringkat Jangka masa Window (*Window Period*)

Dalam tempoh 2 minggu hingga 2 atau 3 bulan selepas jangkitan, terdapat satu tempoh yang dikenali sebagai '*window period*' di mana virus HIV tidak boleh dikesan di dalam darah pesakit. Hasilnya, ujian HIV adalah negatif kerana antibodi terhadap virus HIV masih belum dapat dikesan. Walau bagaimanapun, jumlah HIV dalam darah sangat tinggi dan mudah menjangkiti orang lain. Pesakit pada peringkat ini juga kelihatan sihat seperti orang lain.²⁰

2-Peringkat Tiada Tanda (Pembawa HIV)

Pada peringkat ini, sistem keimunan pesakit telah mula menghasilkan antibodi untuk melawan virus HIV. Hasilnya, ujian HIV yang dijalankan ke atas pesakit adalah positif. Namun, pada peringkat ini, pembawa HIV akan kelihatan sihat dan tidak menunjukkan apa-apa simptom atau gejala yang serius melainkan mengalami demam dan selesema yang biasa. Bagi pesakit dewasa, lazimnya pesakit akan berada dalam peringkat jangkitan tanpa simptom yang berterusan dalam tempoh 10 tahun manakala bagi kanak-kanak dalam tempoh 2 tahun. Walaupun demikian, jangkamasa tersebut lebih bergantung kepada tahap kesihatan seseorang. Jangka masa tersebut mungkin lebih pendek jika tahap kesihatan dan pemakanan tidak dijaga dengan baik dan begitulah sebaliknya. Dalam tempoh asimptomatik ini, virus HIV akan membahagi,

²⁰ Temu bual bersama Dr. Mohammad Faiz b Abd Rashid, Pegawai Kesihatan Daerah Seremban / Ketua rombongan haji Malaysia (Bahagian Perubatan), pada 28 Januari 2009, jam 3.00 petang.

membias dan menjangkiti orang lain serta membunuh sel pada sistem imun di badan pesakit. Kesan jangkitan HIV paling jelas dapat dilihat daripada pengurangan bilangan sel T limfosit (CD4) dalam darah yang berfungsi melawan sebarang jangkitan pada sistem imun.²¹

3-Peringkat Akhir Jangkitan HIV (AIDS)

Pada peringkat akhir jangkitan HIV, biasanya pesakit akan mula mengalami perubahan pada kebanyakan kelenjar yang dirasakan membengkak, terutamanya pada bahagian leher. Hakikatnya, terdapat pembengkakan pada kelenjar nodus limfa di kebanyakan lokasi tubuh. Ada juga mangsa yang mengalami pembengkakan organ limpa dan hepar. Manifestasi klinikal yang membabitkan pembengkakan kelenjar nodus limfa, organ limpa dan hepar dinamakan Progressive Generalised Lymphadenopathy (PGL). PGL mungkin akan berterusan untuk suatu tempoh yang lama (lebih 3 bulan) tanpa berlakunya gejala dan tanda-tanda lain.²²

Di samping itu, pesakit turut melalui peringkat yang dikenali sebagai AIDS Related Complex (ARC) yang boleh berlaku di samping PGL atau tanpa PGL. Pada peringkat ini, kebanyakan pesakit akan mula mengalami simptom seperti keletihan yang berlebihan, berpeluh pada waktu malam, cirit-birit, susut berat badan secara mendadak serta jangkitan seperti herpes simplex, tuberkulosis dan kandidiasis oral.²³

Apabila kemusnahan pada sistem keimunan mencapai puncaknya, maka berlakulah gejala-gejala dan tanda-tanda yang mengisyaratkan bahawa pesakit telah

²¹ *Ibid*, National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, 18 September 2004.

²² Rusli Nordin et.al, 'HIV dan Aids : Manifestasi Klinikal, Diagnosis dan Rawatan' dalam Rusli Nordin et.al (1997), *Aids :Suatu Pendekatan Bersepadu di Malaysia*.K.Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.,hlm 132; National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, *op.cit.*; Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit.*; 'Abd al-Fattāh 'Aṭallah (1988), *op.cit.*, hlm 81; Yusri 'Abd al-Ghanī al-Basyarī (t.t), *al-Aids min 'Ahd Lūt 'ilā 'Aṣr al-Syudhūdh*.Qāhirah: Maktabah Ibnu Sīnā, hlm.85; Aminuddin Ahmad (1992), *op.cit*, hlm 45-46.

²³ Rusli Nordin et.al, 'HIV dan Aids : Manifestasi Klinikal, Diagnosis dan Rawatan' dalam Rusli Nordin et.al (1997),*op.cit*, hlm 133; Aminuddin Ahmad (1992), *op.cit*, hlm. 47; Ali al-Bar (1996),*op.cit.*, hlm.26.

menghidap penyakit AIDS. Petanda-petanda penting yang digunakan untuk membuat diagnosis AIDS secara klinikal terbahagi kepada 2 iaitu jangkitan oportunistik dan kanser. Jangkitan-jangkitan tersebut termasuklah:-

1-Jangkitan parasit seperti *Toxoplasma Gondii*, *Isospora Belli* dan *Cryptosporidium*.

2-Jangkitan bakteria seperti *Mycobacterium Tuberculosis* dan *Mycobacterium Avium Intracellulare*.

3-Jangkitan kulat seperti *Pneumocystis Carinii*, *Candida Albicans* dan *Cryptococcus Neuformans*.

4-Jangkitan virus seperti Cytomegalovirus, Herpes Simplex, Herpes Zoster dan Virus Human Papilloma. (HPV)

Jangkitan-jangkitan ini kemudiannya akan menyebabkan pelbagai jenis penyakit seperti *Pneumocystis Carinii* yang boleh menyebabkan radang paru-paru, *Candida Albicans* yang menyebabkan Kandidiasis, *Cryptococcus Neuformans* menyebabkan radang otak (meningitis) dan sebagainya. Seorang pesakit boleh mempunyai lebih daripada satu penyakit dalam satu masa. Selain itu, terdapat beberapa jenis kanser yang boleh berlaku pada pesakit AIDS seperti kaposi sarcoma, limfoma, kanser mulut, kanser anorektum (kawasan anus dan rektum) dan sebagainya. Oleh sebab virus AIDS menyerang sel otak, kebanyakan pesakit AIDS akan menderita masalah berkaitan otak dan saraf antaranya pelupa, gagap ketika bercakap, menggigil, nyanyuk, dan koma²⁴ (Lihat Lampiran D).

Seterusnya, setiap pesakit AIDS akan melalui peringkat kematian, bergantung kepada tahap kesihatan pesakit. Ini kerana sehingga kini masih tidak dijumpai ubat yang boleh menyembuhkan penyakit ini (Lihat Lampiran G). Walaubagaimanapun, kita

²⁴ Rusli Nordin et.al, 'HIV dan Aids : Manifestasi Klinikal, Diagnosis dan Rawatan' dalam Rusli Nordin et.al (1997), *op.cit.*, hlm 134; Aminuddin Ahmad (1992), *op.cit.*, hlm. 48-49; 'Ali al-Bār (1996), *op.cit.*, hlm.26-27; Peter Aggleton et.al (ed.) (1994), *op.cit.*, hlm.28-29; Yusri 'Abd al-Ghanī al-Basyarī (t.t), *op.cit.*, hlm.86; Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit.*

tidak menafikan bahawa ajal maut seseorang adalah ketentuan dari Ilahi.²⁵ Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, sejak dari tahun 1986 hingga Jun 2009, dilaporkan seramai 11549 orang pesakit AIDS telah meninggal dunia (Lihat Lampiran A).

2.1.4-AIDS dan Penyakit berjangkit yang lain

Walaupun AIDS termasuk dalam kategori penyakit berjangkit, namun ia berbeza dengan penyakit-penyakit berjangkit yang lain seperti influenza, campak, cacar, tibi dan malaria. Seseorang individu itu kemungkinan besar dijangkiti penyakit-penyakit seperti cacar, campak dan influenza jika berlaku pendedahan kepada pesakit-pesakit yg mempunyai virus ini, iaitu berada dalam satu kawasan yang sama seperti berada dalam sebuah rumah atau dalam satu bilik yang sama dengan pesakit tersebut. Sebaliknya, penyakit AIDS hanya boleh berjangkit melalui hubungan seks, darah yang tercemar dengan virus HIV dan dari ibu yang HIV kepada anak yang dikandung. Tidak mungkin seseorang itu dijangkiti virus HIV jika dia berada dalam satu bilik dengan pesakit AIDS, berbual-bual atau bersalaman dengan pesakit AIDS.

Begitu juga dengan penyakit tibi di mana seseorang boleh mendapat tibi jika dia terdedah kepada pesakit tibi dalam suatu ruang yang sama seperti berada berhampiran dengan pesakit semasa dia batuk atau ketika berbual-bual dengan pesakit tibi dalam jarak yang dekat. Manakala seseorang tidak boleh dijangkiti oleh virus HIV cuma dengan berbual-bual dengan pesakit tersebut sekalipun mereka batuk atau bersin di hadapannya. Selain itu, AIDS juga berbeza dengan penyakit malaria yang ditularkan oleh parasit yang menjangkiti nyamuk dan kemudian ia di bawa oleh nyamuk ke dalam tubuh badan manusia apabila nyamuk tersebut meghisap darah manusia. Walaupun secara teorinya virus yang berada dalam tubuh badan manusia boleh menjangkiti

²⁵ *Ibid.*

nyamuk dan nyamuk yang sama boleh menjangkiti individu lain, tetapi setakat ini tiada bukti yang menunjukkan virus HIV boleh disebarkan melalui gigitan nyamuk.

Kesimpulannya, penyakit AIDS tidak timbul secara spontan atau tiba-tiba, tidak didapati dengan duduk berhampiran dengan pesakit AIDS dan tidak berjangkit dengan gigitan nyamuk tetapi penyakit ini terjadi melalui cara hidup seseorang yang sengaja mendedahkan dirinya kepada jangkitan virus HIV melalui amalan homoseksual, hubungan seks rambang dan penagihan dadah.²⁶

2.1.5-Cara-cara penyebaran penyakit AIDS

Cecair badan manusia telah dikesan sebagai persekitaran yang sesuai untuk virus HIV hidup. Kebanyakan virus ini didapati dalam darah, air mani, cecair faraj dan susu ibu yang boleh menyebabkan jangkitan. Ini adalah kerana terdapat banyak limfosit dalam cecair ini yang penting untuk menghidupkan virus HIV.²⁷ Keadaan persekitaran perumah juga penting untuk mengakibatkan jangkitan virus HIV. Persekitaran pada saluran darah termasuk kawasan luka pada kulit, kawasan kemaluan lelaki, kemaluan wanita dan juga anus adalah persekitaran yang mudah dijangkiti oleh virus HIV.²⁸ Selain itu, virus HIV juga didapati dalam cecair badan yang lain seperti air liur, air mata dan air peluh, namun kuantitinya tidak cukup untuk menyebabkan jangkitan.²⁹ Ini diperkuatkan lagi melalui kajian makmal yang mendapati air liur mempunyai bahan semulajadi yang membataskan keupayaan virus HIV untuk menjangkiti orang lain. Para

²⁶ Aminuddin Ahmad (1992), *op.cit*, hlm.50-57. Lihat juga Michael Thomas Ford (1992),*op.cit*, hlm.23.Hal ini turut diperjelaskan semasa temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit*.

²⁷ Michael Thomas Ford (1992),*op.cit*, hlm 24; *Aids:Jawapan kepada Kemusykilan Anda* (1998), *op.cit*, hlm.2; Dzulkifli Abdul Razak (1990), *op.cit.*, hlm.18; Amina Noor (2000), *Tips Pengetahuan dan Masalah Aids*.K.Lumpur:Al-Hidayah Publishers, hlm 13.

²⁸ *Ibid*

²⁹ Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit*.

ahli sains turut mendapati sehingga kini tidak ada bukti yang menunjukkan HIV boleh merebak melalui air mata, air peluh, kencing dan najis.³⁰

Oleh yang demikian, AIDS boleh merebak melalui beberapa cara iaitu:-

1-Hubungan Seks

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari tahun 1986 sehingga Jun 2009, jangkitan HIV melalui kegiatan seks mencatat jumlah yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 1630 kes bagi homoseksual/biseksual dan 14410 kes bagi heteroseksual (Lihat Lampiran C). Dalam hubungan seks, virus boleh masuk ke dalam badan seseorang melalui sel dalam dinding vagina, vulva, zakar, rektum atau mulut semasa aktiviti seks berlaku lebih-lebih lagi jika terdapat luka atau ulser pada anggota-anggota seks berikut.³¹ Menurut WHO, risiko jangkitan HIV melalui hubungan seks bergantung pada sama ada:-

1-Salah seorang pasangan seks telah dijangkiti kuman HIV

2-Jenis hubungan seks

3-Jumlah kuman HIV yang terdapat di dalam darah atau cecair tubuh pasangan yang telah dijangkiti

4-Terdapatnya jangkitan kelamin lain pada salah seorang daripada pasangan berkenaan.³²

Semakin ramai pasangan seks seseorang itu, maka semakin tinggi risiko hubungan seks berlaku dengan pasangan yang HIV positif. Semua jenis hubungan seks membawa risiko jangkitan kuman HIV. Setakat ini, data daripada beberapa kajian tidak dapat menyatakan dengan tepat risiko bandingan setiap jenis hubungan seks yang diamalkan. Walaubagaimanpun, risiko paling tinggi untuk dijangkiti kuman HIV

³⁰National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, *op.cit.*, Temubual bersama Prof Madya Dr.Ng Kee Peng, *op.cit.*

³¹ National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, *op.cit.*, Untuk huraian lanjut mengenai cara-cara virus memasuki badan semasa hubungan seks, sila lihat Michael Thomas Ford (1992), *op.cit.*, hlm.88-90.

³² Rusli Nordin, Aids dan perilaku seks, dalam Rusli Nordin et.al (1997), *op.cit.*, hlm 37.

terdapat di kalangan lelaki dan perempuan yang melakukan hubungan seks melalui lubang dubur (anus) dengan pasangan seks yang HIV positif. Begitu juga, hubungan seks melalui vagina (faraj) mungkin membawa risiko yang lebih tinggi pada kaum lelaki dan perempuan yang mengamalkan hubungan heteroseksual jika dibandingkan dengan amalan seks melalui mulut. Kecederaan membran mukus pada rektum atau vagina boleh mempermudah transmisi kuman HIV tetapi tidaklah semestinya untuk sesuatu jangkitan itu berlaku.³³ Namun, dalam hubungan heteroseksual, kaum wanita mempunyai peluang yang lebih untuk mendapat jangkitan berbanding kaum lelaki.³⁴

Manakala dalam sesuatu hubungan homoseks, salah seorang daripada pasangan berkenaan bertindak sebagai lelaki manakala yang seorang lagi bertindak sebagai perempuan. Risiko jangkitan kuman HIV adalah lebih tinggi bagi seseorang homoseks yang bertindak sebagai perempuan dan ini juga ada kaitan dengan masalah hubungan seks melalui anus kerana cara ini lebih mudah menyebabkan luka kepada pasangan.³⁵ Dalam hubungan seks secara oral pula, risiko jangkitan mungkin meningkat sekiranya berlaku ulser pada bahagian selaput mulut ataupun lidah dan sekiranya ulser berinfeksi kuman HIV juga terdapat pada bahagian genitalia. Selain itu, kadar jangkitan kuman HIV dipercayai meningkat dengan peningkatan jumlah kuman HIV di dalam darah dan cecair badan individu yang HIV positif dan mengalami AIDS. Begitu juga, sekiranya salah seorang atau kedua-dua pasangan seks menghadapi penyakit jangkitan kelamin yang lain seperti ulser genitalia yang biasanya terdapat pada pesakit yang menghadapi syankroid, sifilis ataupun herpes boleh meningkatkan risiko jangkitan HIV pada individu yang terdedah dan meningkatkan daya infeksi individu yang menghadapi penyakit berkenaan.³⁶

³³ *Ibid*, hlm. 37-40

³⁴ Temubual bersama Prof Madya Dr.Ng Kee Peng, *op.cit*.

³⁵ Rusli Nordin, Aids dan perilaku seks, dalam Rusli Nordin et.al (1997), *op.cit.*, hlm 38; Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit*.

³⁶ Rusli Nordin , Aids dan perilaku seks, dalam Rusli Nordin et.al (1997), *op.cit*, hlm 41-42.

2-Darah yang tercemar dengan virus HIV

Virus HIV juga boleh merebak melalui darah yang tercemar dengan virus ini sama ada melalui pemindahan darah, pemindahan organ, perkongsian alatan-alatan yang tercemar seperti perkongsian jarum suntikan di kalangan penagih dadah dan ketika rawatan, perkongsian pisau cukur di salun-salun mahupun di kalangan jemaah haji, alat untuk menindik telinga atau membuat tatu. Selain itu, jangkitan boleh berlaku di kalangan doktor, jururawat, doktor gigi dan para pekerja yang memeriksa contoh-contoh darah di makmal-makmal.³⁷ Walaubagaimanapun, pada hari ini risiko jangkitan melalui pemindahan darah khususnya di kalangan pesakit hemofilia dan talasemia adalah sangat kecil hasil daripada ujian darah (*blood screening*) yang dijalankan ke atas setiap penderma darah dan penderma organ sebelum mereka menderma. Walaubagaimanapun, ujian ini tidak 100% berjaya kerana adakalanya pesakit berada dalam tempoh di mana virus tidak boleh dikesan yang dikenali sebagai '*window period*'.³⁸ Oleh kerana itu, di Malaysia jumlah kes jangkitan HIV di kalangan penerima darah dari tahun 1986 sehingga Jun 2008 hanya sebanyak 30 kes dan 3 kes dilaporkan di kalangan penerima organ dalam tempoh tersebut (Lihat Lampiran C).

Jumlah ini berbeza dengan kes jangkitan HIV di kalangan penagih dadah secara intravena (suntikan) yang telah mencatat jumlah yang tertinggi berbanding faktor-faktor yang lain iaitu sebanyak 61123 kes dari tahun 1986 hingga Jun 2009 (Lihat Lampiran C). Penagih dadah intravena berisiko tinggi ketika berkongsi jarum suntikan dengan penagih dadah yang lain. Biasanya terdapat sedikit darah di dalam jarum suntikan yang telah digunakan dan ini boleh dipindahkan daripada seorang penagih dadah kepada

³⁷ National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, *op.cit.*, Dhākī Muḥammad Ismā'il (1989), *al-Aids wa Thaqāfah al-Gharb*. Iskandariah: Dār al-Maṭbu'āt al-Jadīdah, hlm.23-29; Aḥmad Husnī Ṭaha (Dr) (2003), *op.cit.*, hlm.11; Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit.*, Temubual bersama Prof Madya Dr.Ng Kee Peng, *op.cit.*, Michael Thomas Ford (1992), *op.cit.*, hlm.63-66; `Alī al-Bār, (1996), *op.cit.*, hlm.11-14; al-`Ubayd `Umar (1993), *Da' al-Aids wa al-Amrad al-Tanāsuliyyah*. Beirut:Dār al-Nafā'is, hlm.38-41.

³⁸ Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit.*; Temubual bersama Prof Madya Dr.Ng Kee Peng, *op.cit.*; `Alī al-Bār, (1996), *op.cit.*, hlm.11-12.

penagih dadah yang lain. Lebih banyak darah yang terlibat, lebih tinggi risikonya. Nutrisi yang kurang baik, tekanan fizikal dan psikologi serta penagihan dadah itu sendiri boleh merencatkan sistem imun seseorang penagih dadah dan menjadikannya rentan terhadap pelbagai jenis jangkitan termasuk AIDS.³⁹

Selain itu, berdasarkan kajian yang dibuat oleh National Institute of Drug Abuse (NIDA), gaya hidup penagih dadah yang turut terlibat dengan aktiviti seks bebas untuk menampung masalah ketagihan mereka meningkatkan lagi risiko jangkitan ke atas diri mereka dan juga orang ramai.⁴⁰

3-Ibu kepada Anak

Semasa mengandung, seorang ibu yang dijangkiti virus HIV boleh menyebarkan virus tersebut kepada anak yang dikandungnya melalui saluran plasenta yang bersambung kepada janin.⁴¹ Jangkitan juga boleh berlaku ketika kelahiran dan penyusuan.⁴² Walaubagaimanapun, risiko mendapat jangkitan HIV ketika kelahiran adalah lebih tinggi.⁴³ Menurut Prof Madya Dr.Ng kee Peng, peluang anak mendapat jangkitan dari ibunya bergantung kepada banyak faktor antaranya ialah jumlah CD4 dalam darah si ibu, tahap kesihatan, jenis HIV dan lain-lain.⁴⁴ Di Malaysia, sebanyak 772 kes jangkitan HIV daripada ibu kepada anak dilaporkan dari tahun 1986 hingga Jun 2009 (Lihat Lampiran C). Walaupun demikian, risiko jangkitan ini boleh dikurangkan jika ibu diberi rawatan rapi ketika mengandung. Ubat antiretroviral (ARV) seperti AZT

³⁹ Noor Hidayah Ishak , Aids dan Pencegahan Dadah dalam Rusli Nordin et.al (1997),*op.cit.*, hlm.66; Amina Noor (2000), *op.cit.*, hlm.17; National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, *op.cit.*

⁴⁰ National Institute on Drug Abuse, <http://www.drugabuse.gov/infofax/drugabuse.html>, 18 September 2004, Dhākī Muḥammad Ismā`il (1989), *op.cit.*, hlm.22-23; Rusli Nordin, Aids dan perilaku seks, dalam Rusli Nordin et.al (1997),*op.cit.*, hlm.39.

⁴¹ Dhākī Muḥammad Ismā`il (1989), *op.cit.*, hlm.29; Aḥmad Husnī Ṭaha (Dr)(2003), *op.cit.*, hlm.12.

⁴² Umar al-`Ubayd, (1993), *op.cit.*, hlm.40; Aḥmad Husnī Ṭaha (Dr)(2003), *op.cit.*; Michael Thomas Ford (1992), hlm.58; National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, *op.cit.*

⁴³ Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit.*

⁴⁴ Temubual bersama Prof Madya Dr.Ng Kee Peng,*op.cit.*

(Azidothymidine) dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV daripada ibu kepada anak.⁴⁵

Virus AIDS tidak boleh merebak hanya dengan menyentuh pesakit AIDS, bersalaman, berhimpit-himpit di tempat yang sesak, bekerja dengan seorang pembawa AIDS, bersukan, bercium, memakan makanan yang disediakan oleh pesakit AIDS, duduk berhampiran dengan pesakit AIDS, menggunakan peralatan yang digunakan pesakit AIDS seperti pinggan mangkuk, sudu, gelas, pakaian, tandas awam, telefon dan kenderaan awam. Selain itu, virus AIDS juga tidak boleh merebak melalui kolam renang kerana ia akan dimatikan oleh klorin yang dicampur ke dalam air di kolam renang. Sehingga kini juga, tidak ada bukti saintifik menunjukkan bahawa gigitan nyamuk dan serangga-serangga yang lain boleh merebakkan AIDS. Kita juga tidak mungkin mendapat AIDS daripada binatang seperti anjing, kucing dan lain-lain.⁴⁶

⁴⁵ *Ibid*, Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit*.

⁴⁶ *Aids:Jawapan kepada Kemusykilan Anda* (1998), *op.cit*, hlm.4-7; National Institute of Health, <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/hivinf.htm>, *op.cit.*; `Umar al-`Ubayd (1993), *op.cit.*,.hlm 40-42; `Ali al-Bār (1996), *op.cit*, hlm 14-15; Michael Thomas Ford (1992), *op.cit*, hlm 59-61.

2.2 - AIDS DARI PERSPEKTIF ISLAM

2.2.1- Hakikat AIDS dan Pandangan Ulama

AIDS bukanlah merupakan penyakit baru seperti yang didakwa oleh masyarakat Eropah, malah ia telah dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW sejak 14 kurun yang lalu.⁴⁷ Sabda Nabi SAW:

رواه ابن ماجه والحاكم : مَا ظَهَرَتْ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ حَتَّى يُعْلِنُوا بِهَا إِلَّا ابْتَلَوْا
بِالطَّوَاعِينَ وَالْأَوْجَاعِ الَّتِي لَمْ تَكُنْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا

“ Tidak akan muncul kemungkaran pada satu kaum sehingga mereka melakukannya secara terang-terangan melainkan mereka akan ditimpakan dengan wabak taun dan penyakit-penyakit baru yang tidak pernah dikenali oleh kaum-kaum sebelum mereka”.⁴⁸

Dari perspektif Islam, ulama Islam berpendapat kemunculan AIDS mempunyai mesej tersendiri. Firman Allah SWT dalam surah Tāhā :

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

أَعْمَى

“ Dan barangsiapa berpaling dari peringatanKu, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta.”

Tāhā (16) : 124

Dengan kata lain, AIDS dilihat sebagai satu bala daripada Allah SWT sebagai hukuman ke atas hamba-hambanya yang melakukan kemungkaran.⁴⁹ Hal ini telah dinyatakan oleh Allah SWT ketika menurunkan azab ke atas kaum nabi Lūṭ yang mengamalkan homoseksual.

⁴⁷ Najib al-Kailānī (1987), *Qiṣṣah al-Aids*, c.2. Beirut :Mu’assasah al-Risālah, hlm 107-110.

⁴⁸ Abī al-Ḥasan al-Ḥanafī (2000), *Sunan Ibnu Mājah*, Kitāb al-Fitan, Bāb al-‘uqūbāt, no. hadis 4019. j .14, c. 3. Beirut : Dār al-Ma’rifah, hlm 367-368.

⁴⁹ *Ibid.* hlm 114-115; Muḥammad Maḥmūd ‘Abū al-‘Alā (t.t), *al-Tā’ūn al-‘Abyad* . Qāhirah : Jāmi’ah ‘Ain Syams, hlm 95; Dhākī Muḥammad Ismā’il (1989), *op.cit* , hlm 35-40; Yusrī ‘Abd al-Ghanī al-Basyarī (t.t), *op.cit.*, hlm 23.

Firman Allah SWT:

إِنَّا مُنْزِلُونَ عَلَىٰ أَهْلِ هَذِهِ الْقَرْيَةِ رِجْزًا مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٢٤﴾

“ Sesungguhnya Kami akan menurunkan azab dari langit kepada penduduk kota ini kerana mereka berbuat fasik.”

al-‘Ankabūt (20):34

Selain itu, AIDS juga memperlihatkan kepada kita satu peringkat daripada azab Allah di dunia ini agar hamba-hambaNya kembali kepada kebenaran.⁵⁰ Hal ini telah dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya:

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ

أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

“ Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintahNya takut akan ditimpa cubaan atau ditimpa azab yang pedih”.

al-Nūr (18):63

Di samping itu, ulama Islam turut berpendapat bala yang diturunkan oleh Allah bukan sahaja ke atas pelakunya, malah AIDS turut menimpa masyarakat seluruhnya kerana tidak menjalankan amanah Allah sebagai khalifah di muka bumi ini iaitu melaksanakan amar makruf nahi mungkar. Dengan kata lain, masyarakat seolah-olah meredakan dan membiarkan kemungkaran berleluasa di dalam masyarakat.⁵¹ Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Mā‘idah:

⁵⁰ *Ibid*, hlm 20-23.

⁵¹ Muḥammad Maḥmūd `Abū al-`Alā(t.t), *op.cit.*, hlm 103.

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

“ Telah dilaknat orang-orang kafir dari Bani Israil dengan lisan Daud dan Isa putera Maryam. Yang demikian itu, disebabkan mereka durhaka dan selalu melampaui batas. Mereka satu sama lain selalu tidak melarang tindakan mungkar yang mereka perbuat. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka perbuat itu.”

al-Mā'idah (6):78-79

Ia turut dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW :

رواه الامام أحمد في مسنده قال فيه " ان الله لا يعذب العامة بعمل الخاصة حتى يروا المنكر بين ظهرانيهم وهم قادرون على ان ينكروه فلا ينكروه فان فعلوا عذب الله العامة والخاصة " صدق رسول الله صلى الله عليه وسلم.

“ Sesungguhnya Allah tidak mengazab orang awam disebabkan perbuatan seseorang individu sehingga mereka melihat kemungkar di hadapan mereka, dan mereka mampu untuk mencegahnya tetapi mereka tidak mencegahnya. Sekiranya mereka berbuat demikian, azab Allah akan menimpa orang awam dan individu tersebut.”⁵²


2.2.2- Islam sebagai model terbaik

Islam sebagai satu agama yang syumul merupakan model terbaik dalam mencari jalan penyelesaian kepada penyakit AIDS yang menjadi pembunuh masyarakat dunia hari ini berbanding agama-agama lain seperti Buddha, Hindu, Kristian dan model-model yang telah dicipta oleh negara Barat. Di bidang perubatan, Islam menggalakkan pengamalan konsep ‘الوقاية خير من العلاج’ iaitu pencegahan lebih diutamakan daripada

⁵² Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah & Nasihat, Kerajaan Arab Saudi, <http://hadith.al-islam.com/Display/Display.asp?hnum=17057&doc=6>, 12 Februari 2009; Kitāb al-Syāmiyyīn, Bāb ‘Adiy ibnu ‘Umairah al-Kindī, no. hadis 17057.

pengubatan kerana ia selari dengan sunnah Nabi Muhammad SAW.⁵³ Salah satu kaedah Fiqh yang penting di dalam ilmu Islam ialah " دَرُّهُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ حَلْبِ الْمَصَالِحِ " iaitu ‘menghindari kerosakan perlu diutamakan daripada mengambil kemanfaatan’.⁵⁴ Justeru itu, setiap perkara yang boleh menyebabkan kerosakan dihalang oleh Islam sejak dari awal lagi seperti perbuatan zina yang boleh menyebabkan seseorang dijangkiti AIDS. Walaupun agama-agama lain melarang penganutnya mengamalkan seks bebas dan melakukan seks sebelum berkahwin, namun tiada pencegahan awal dilakukan bagi mengelak berlakunya zina.⁵⁵ Namun, dalam Islam segala perbuatan yang boleh membawa kepada zina seperti pergaulan bebas, khalwat di antara lelaki dan perempuan dan pendedahan aurat adalah diharamkan sebagai langkah pencegahan awal yang amat berkesan.

Firman Allah SWT:

 وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَىٰ ۖ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

“ Dan janganlah kamu mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk.”

al-Isrā’ (15): 32

Di samping itu, Islam juga mengharamkan perbuatan homoseks atau hubungan sejenis.

Nabi Muhammad SAW bersabda:

⁵³ Ahmad Muhammad Kan‘ān (Dr) (2000), *al-Mawsū‘ah al-Ṭibbiyyah al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dār al-Nafā’is, hlm 941 ; Abu Bakar Abdul Majeed (Dr) (1999), ‘Perubatan Pencegahan-Asas Perubatan Islam’, (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan “Ke Arah Meningkatkan Kefahaman Perubatan Pencegahan Dalam Islam” di IKIM, Kuala Lumpur, 22-23 Jun 1999), hlm 3-4.

⁵⁴ Abd al-‘Azīz Muḥammad ‘Azām (Dr) (2001), *al-Maqāsid al-Syar‘iyyah fī al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Qāhīrah: Dār al-Bayān, hlm 152.

⁵⁵ Untuk keterangan lanjut, sila lihat Ang Cheo Hong (1991), ‘The Role of Religion in the prevention and Control of AIDS – from the point of view of Buddhism’, M.Subramaniam (1991), ‘ The Role of Religion in the Prevention and Control of AIDS: A Hindu Perspective’, Wong Kim Kong (1991), ‘ The Role of Religion in the Prevention and Control of AIDS: The Christian Perspective’, (Kertas Kerja, National Seminar on AIDS, Kuala Lumpur, 3 – 5 Disember 1991).

قال النبي صلى الله عليه وسلم: إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِي عَمَلُ قَوْمِ

لُوطٍ ، لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ

“ Sabda Nabi Muhammad SAW: Perkara yang paling aku takut berlaku ke atas umatku ialah amalan kaum Lūṭ, Sesungguhnya Allah melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Lūṭ ”⁵⁶

Selain itu, Islam turut menyarankan agar umatnya mengambil langkah-langkah pencegahan secara langsung daripada dijangkiti sebarang penyakit berjangkit termasuk penyakit AIDS yang merbahaya ini.⁵⁷ Ini dapat dilihat daripada hadis Nabi SAW yang menyuruh kita menjauhi sebarang penyakit berjangkit.

قال النبي صلى الله عليه وسلم : فِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

“ Larilah kamu dari penyakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa ”⁵⁸

Di dalam konteks yang lebih luas, Islam menyuruh umatnya berdisiplin dalam hidup kerana ia mampu mencegah daripada pelbagai penyakit. Umat Islam juga diseru supaya sentiasa menjaga kesihatan diri dan persekitaran.⁵⁹ Contohnya melalui pensyariatan wuduk. Ia bukan sahaja dapat menghapuskan dosa seseorang, malah dapat mencegah seseorang daripada pelbagai penyakit.⁶⁰ Di antara formula umum yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam aspek pencegahan seperti yang disebutkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah ialah “ Mengurus dan menjaga dengan baik di dalam aspek makan minum, pakaian, kebersihan tempat tinggal, penjagaan udara atau persekitaran, penjagaan tidur dan bangun, ketika bergerak dan duduk diam, mengurus perkahwinan serta cara penggunaan masa ketika menyendiri dengan

⁵⁶ Abī al-Ḥasan al-Hanafī; (2000), *op.cit* , Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Man ‘amila ‘amala Qawmi Lūṭ, no.hadis 2563. j. 3, hlm 230.

⁵⁷ Abd al-Bāsiṭ Muḥammad al-Sayyid (Dr)(2002), *al-Ṭibb al-Wiqā’i min al-Qur’ān*.Qāhirah: Dār Alfā, hlm 114-115.

⁵⁸ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (1997), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṭibb, Bāb al-Judhām, no. hadis 5707, j. 10. Riyād: Maktabah Dār al-Salām, hlm 195.

⁵⁹ Abd al-Bāsiṭ Muḥammad al-Sayyid (Dr)(2002), *op.cit.*, hlm 72.

⁶⁰ *Ibid.*, hlm 75-79

beribadat. Apabila kesemua ini dapat diseimbangkan dengan mengambil kira kekuatan badan, keadaan persekitaran, masa dan adat kebiasaan, ia seringkali dapat menghasilkan kesihatan dan kesejahteraan yang terbaik”.⁶¹

Ia amat berbeza dengan pendekatan luaran yang diambil oleh Barat dalam mencegah dan mencari jalan penyelesaian kepada penyakit AIDS. Barat dikatakan tidak mampu mengubah sikap masyarakat terhadap amalan seks rambang dan penagihan dadah. Ini dapat dilihat daripada “Danish Model” yang diperkenalkan di mana masyarakat hanya diingatkan agar mengamalkan seks yang selamat dengan menggunakan kondom dan mengelakkan hubungan seks dengan golongan yang berisiko tinggi. Penagih dadah juga disarankan agar tidak menggunakan jarum suntikan yang tercemar ketika menagih dadah.⁶² Walaubagaimanapun, kajian telah membuktikan bahawa penggunaan kondom tidak menjamin seseorang daripada dijangkiti virus HIV atau penyakit-penyakit kelamin yang lain kerana kegagalan penggunaan kondom untuk mencegah kehamilan ialah sebanyak 15%. Selain itu, penggunaan kondom juga tidak efektif kerana pergantungannya kepada keadaan cuaca dan penggunaan yang lama selepas penghasilannya boleh menjadikan saiznya agak besar, menghilangkan keanjalannya dan kemungkinan berlaku kebocoran. Buktinya, melalui kajian oleh Padian dan rakan sekerja, 23% daripada 97 responden wanita yang menggunakan kondom ketika bersama pasangan mereka yang HIV positif telah dijangkiti virus tersebut.⁶³

Dari perspektif Islam, penggunaan kondom boleh menggalakkan kepada berleluasanya kegiatan pelacuran dan penzinaan. Oleh yang demikian, ia bukanlah satu-satu cara untuk menyelesaikan masalah AIDS tetapi ia merupakan langkah terakhir dalam pencegahan berdasarkan kaedah fiqh : “ يَخْتَارُ أَهْوَنَ الشَّرِّينِ ” yang bermaksud

⁶¹ Danial Zainal Abidin (Dr) (2002), *Perubatan Islam dan Bukti sains moden*.PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd: Pahang Darul Makmur ,hlm 13.

⁶² Mālik Badrī (Dr) (2000), *op.cit.*, hlm 185-186.

⁶³ *Ibid*, hlm 187- 189.

‘memilih kemudahan yang lebih ringan’.⁶⁴ Dengan kata lain, penggunaan kondom perlu untuk mengelakkan kemusnahan yang lebih besar iaitu dijangkiti AIDS yang boleh membawa kepada kemusnahan. Namun, penggunaannya dihadkan kepada pasangan-pasangan yang telah berkahwin sepertimana yang dicadangkan oleh Hasan Basri, Pengerusi Majlis Ulama Indonesia.⁶⁵

Walaupun pelbagai pendekatan telah diambil oleh Barat dalam mencegah penyebaran penyakit ini termasuk mencari vaksin untuk penyakit AIDS, namun ia adalah usaha yang sia-sia. Ini kerana kajian mendapati HIV bukan punca utama AIDS tetapi virus-virus lain yang turut mengambil peluang disebabkan kekurangan daya tahan badan seseorang.⁶⁶ Sekalipun ditemui vaksin yang berkesan untuk menghapuskan virus HIV, amalan masyarakat Barat yang bertentangan dengan fitrah manusia akan mencipta lebih banyak virus-virus baru yang semakin susah ditangani. Oleh yang demikian, Dr. Mālik Badrī berpendapat pencegahan hendaklah bermula dari akar umbinya bukan hanya menangani masalah ini secara luaran sahaja. Menurut beliau lagi, menjauhi amalan-amalan yang boleh membawa kepada wabak tersebut dan menjalani kehidupan lebih beretika adalah langkah pencegahan terbaik sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam itu sendiri.⁶⁷

Dari aspek undang-undang pula, jelas mempamerkan bahawa Barat gagal menggunakan saluran undang-undang untuk mencegah penyebaran penyakit ini. Sebagai contoh, Barat terpaksa memansuhkan Undang-undang Prohibition 1919 terhadap penagihan dadah setelah 14 tahun ia berkuatkuasa. Kegagalan itu disebabkan penguatkuasaan undang-undang dilakukan secara mengejut, sedangkan masyarakat masih mengalami keruntuhan nilai, moral, spiritual dan pendidikan untuk menyediakan masyarakat terhadap pelaksanaan undang-undang tersebut. Bertitik tolak dari

⁶⁴ Alī al-Nadwī (1998), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c. 4. Damsyiq: Dār al-Qalam, hlm 313.

⁶⁵ Mālik Badrī (Dr) (2000), *op.cit.*, hlm 281-283.

⁶⁶ *Ibid*, hlm 202.

⁶⁷ *Ibid*, hlm 206.

pemansuhan itu, Barat menggunakan konsep ‘*abuse*’ iaitu ‘penyalahgunaan’ dalam kempen mereka kerana menyedari pengharaman secara menyeluruh tidak boleh dicapai. Menurut tafsiran Barat, penyalahgunaan merupakan satu penyakit yang perlu dirawat bukan kesalahan yang perlu dihapuskan. Oleh yang demikian, menahan masyarakat dari mengambil dadah bertentangan dengan konsep kebebasan di mana manusia berhak memilih apa yang mereka mahu dalam kehidupan mereka.⁶⁸

Sebaliknya, mesej yang disampaikan oleh Islam mampu menghapuskan pemabuk, penagih dadah dan memastikan para banduan tidak mengulangi apa yang telah dilakukan seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang bermaruah dan bepekerti mulia. Buktinya dapat dilihat daripada pengharaman arak yang dilaksanakan secara beransur-ansur di dalam al-Quran sehingga semasa pemerintahan Nabi Muhammad SAW, hanya 6 orang yang ditangkap kerana minum arak dan mereka telah dihukum.⁶⁹ Justeru itu, menurut Dr. Mālik Badrī, masyarakat perlu kembali kepada nilai-nilai tradisi dan agama yang mengharamkan amalan-amalan berisiko yang boleh membawa kepada AIDS seperti amalan seks bebas, pelacuran dan penagihan dadah. Semua ini terkandung dalam ajaran Islam sebagai satu agama, cara hidup dan lambang ketamadunan.⁷⁰

Jelas di sini, pendekatan yang dibawa oleh Islam adalah yang terbaik dalam mencegah penyakit AIDS dari terus berleluasa. Tambahan pula, Islam menjadikan kesihatan salah satu daripada bentuk ibadah. Islam tidak hanya menyeru umatnya supaya bersuci tetapi menjadikan bersuci itu sebagai syarat sah kepada kebanyakan ibadat seperti solat, tawaf dan sebagainya.⁷¹ Kegagalan pihak Barat dalam menangani penyakit AIDS terbukti apabila Pusat Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika

⁶⁸ *Ibid*, hlm 294-295.

⁶⁹ *Ibid*, hlm 295-296.

⁷⁰ *Ibid*, hlm 206.

⁷¹ Ahmad Muhammad Kan’ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm 942.

pada bulan Februari 1995 mendapati AIDS penyebab utama kematian masyarakat Amerika yang berumur 25-44 tahun mendahului penyakit-penyakit yang lain.⁷²

Selain itu, keunggulan Islam juga jelas terpancar melalui larangan kerasnya ke atas sebarang bentuk stigma dan diskriminasi terhadap pesakit-pesakit AIDS seperti firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat, ayat 12 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَحْتَبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا
وَلَا يَعْتَبْ بَعْضُكُم بَعْضًا ؕ أَيُّحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ؕ
وَاتَّقُوا اللَّهَ ؕ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

“ Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan prasangka (kecurigaan), sesungguhnya sebahagian dari prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mencari-cari keburukan orang dan janganlah mengumpat antara satu sama lain. Adakah seorang di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.”

al-Hujurat (26):12

Sebaliknya, umat Islam dituntut supaya menghulurkan bantuan kepada orang yang ditimpa kesusahan dan penderitaan. Pesakit AIDS harus diberi perhatian dan dilayan dengan penuh kasih sayang supaya mereka boleh hidup dan mati dengan mulia.

Firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ ءَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ؕ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ؕ أُولَٰئِكَ
سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ؕ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

⁷² Mālik Badrī (Dr) (2000), *op.cit.* , hlm 189.

“ Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.

al-Taubah (10):71

Nabi Muhammad SAW juga menggalakkan umatnya bersatu dan menolong antara satu sama lain.

عن النعمان بن بشير قال: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحِيهِمْ وَتَوَادِّيهِمْ وَتَعَاطِفِهِمْ كَمَثَلِ الْحَسَدِ إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ حَسَدِهِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

“ Daripada Nu'man bin Basyir katanya Rasulullah S.A.W bersabda : Perumpamaan orang-orang mu'min itu dalam berkasih sayang, kasih mengasihani dan berlemah lembut adalah seumpama satu badan apabila satu anggota badan sakit, seluruh badan akan menanggungnya kerana berjaga malam dan menderita sakit ”⁷³

Membiarkan seseorang itu menderita berdasarkan pertimbangan peribadi adalah perbuatan keji dan bertentangan dengan semangat rahmah dan persaudaraan Islam. Tindakan negatif seperti menyisih, membenci dan memulau orang yang hidup dengan AIDS bererti menafikan mereka peluang untuk bertaubat dan menjadi seorang yang lebih baik. Ini jelas bertentangan dengan ajaran al-Quran yang memberikan harapan paling tinggi kepada orang yang berdosa untuk bertaubat dan kembali kepada Allah. Firman Allah SWT :

⁷³ Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī (1997), *op.cit.*, Kitāb al-Adāb , Bāb Raḥmatu al-Nās wa al-Bahā'im, no. hadis 5678. j .10, hlm 168.

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرِ اللَّهُ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُفْلِحِينَ ﴿١٣٥﴾ أُولَٰئِكَ جَزَاءُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ وَنَعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿١٣٦﴾

“Dan (juga) orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka ingat akan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain daripada Allah? Dan mereka tidak meneruskan perbuatan kejinya itu, sedang mereka mengetahui. Mereka itu balasannya ialah ampunan dari Tuhan mereka dan syurga yang di dalamnya mengalir sungai-sungai, sedang mereka kekal di dalamnya; dan Itulah sebaik-baik pahala orang-orang yang beramal.”

Āli-‘Imrān (4):135 &136


Malahan, umat Islam dituntut supaya menerima setiap ujian yang diberikan oleh Allah dengan penuh reda dan sabar sepertimana firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

“ Dan sungguh akan kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapakan: "Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji'uun".

al-Baqarah (2):155 &156

Selain itu, sebagai suatu *al-Dīn*, Islam juga mampu menyelesaikan semua permasalahan berkaitan pesakit AIDS sama ada dalam aspek ibadat, muamalat, jenayah mahupun kekeluargaan. Contohnya, Islam membenarkan orang yang sakit untuk berbuka puasa dalam bulan Ramadan berdasarkan firman Allah SWT:

 وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

"...(dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), Maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain...."

al-Baqarah (2):185

Islam juga tidak melarang pesakit AIDS untuk bekerja mencari rezeki kecuali pekerjaannya itu menyebabkan bahaya kepada orang lain. Namun, ia tidak bermakna pesakit AIDS boleh melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran kerana pelacuran tidak diiktiraf sebagai satu pekerjaan yang halal dalam Islam. Hakikatnya, negara-negara yang membenarkan kegiatan pelacuran telah menyalahi fitrah, akal dan syarak kerana secara tidak langsung telah mendedahkan rakyatnya kepada bahaya penyakit AIDS.⁷⁴

Kesimpulannya, Islam merupakan satu-satunya agama yang telah menyediakan model yang terbaik dalam menangani penyakit AIDS sama ada dalam aspek pencegahan mahupun dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi pesakit AIDS dalam menjalani kehidupan seharian yang lebih di redai Allah SWT.

⁷⁴ Muhammad ‘Alī al-Bār, (1996), *op.cit.*, hlm 53.